

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 5/1981

URUSAN PENYAKSIAN PINDAHMILIK TANAH (ATESTATION)
DI RUMAH-RUMAH

Di dalam mesyuarat Pemungut-Pemungut Hasil Tanah yang telah diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Kelantan pada 20hb. Oktober, 1981 di mana hadir bersama YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, satu keputusan telah dibuat mengenai perkara penyaksian pindahmilik tanah di rumah-rumah. Memandangkan perkara penyaksian pindahmilik tanah dirumah-rumah atas permintaan tuan-tuan tanah yang sakit seperti tidak dapat berjalan dan sebagainya, telah menimbulkan lebih banyak keburukannya daripada kebaikan, maka telah diputuskan bahawa amalan ini hendaklah dihentikan. Oleh itu mulai daripada tarikh surat ini, Pemungut Hasil Tanah tidak lagi dibenarkan membuat penyaksian pindahmilik tanah di rumah-rumah. Sekiranya ada diterima permintaan seperti ini daripada mana-mana orang-orang tertentu maka ia hendaklah dinasihatkan supaya membawa tuan tanah yang sakit itu ke Pejabat Tanah, dan penyaksian pindahmilik bolehlah dibuat dalam kereta dalam kawasan pejabat.

2. Sayugia juga diingatkan bahawa pegawai yang menyaksikan pindahmilik seumpama ini hendaklah benar-benar berpuashati yang pesakit itu berada dalam keadaan fikiran yang waras dan tahu akan tujuan serta akibatnya. Sedikit sebanyak pertanyaan perlu dikemukakan terhadap tuan tanah itu untuk mempastikan kewarasannya.
3. Semua Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki mematuhi Arahan ini dengan sepenuhnya demi untuk mengelakkan daripada timbulnya masalah-masalah yang tidak diingini kelak.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah ,

t.t
(**Ab. Hamid bin Hj. Abu Bakar**)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN,
KOTA BHARU**

FAIL : PTG.KN.7681 / (1)

BERTARIKH : 7HB.NOVEMBER, 1981

KEPADA:

Semua Pemungut Hasil Tanah/Ketua Jajahan,
KELANTAN

SALINAN KEPADA:

1. YAB Dato' Menteri Besar
Kelantan
KOTA BHARU
2. YB.Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan
KOTA BHARU

FAIL : PTG.KN.3269